



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PENUTUP BENGKEL "SUNGAI PERAI 5-
RIVER TRAIL: A VISIONING WORKSHOP"

TARIKH / MASA / TEMPAT

06 MAC 2019 (RABU)
5.00 PETANG

THE LIGHT HOTEL
SEBERANG JAYA
PULAU PINANG

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani Binti Hj Mahmud

Setiausaha Perbandaran MPSP

Yang Berusaha Encik Tajol Ariffin Baharom

Jurutera Daerah Seberang Perai Utara

Yang Berusaha Encik Mohd Nasyarul Ahmad Rizan

Jurutera Daerah Seberang Perai Tengah

Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Murali Ram

Pengarah Program Think City

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Penutup Bengkel *Sungai Perai 5-River Trail: A Visioning Workshop*.

Saya merakamkan penghargaan dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada urusetia penganjuran bengkel dua hari ini, Think City Sdn. Bhd., yang telah bertungkus lumus memastikan program ini berjalan dengan lancar. Syabas dan tahniah!

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada para peserta bengkel yang sudi mengambil bahagian, berkongsi masa, tenaga dan minda untuk mengenal pasti dan menganalisa isu-isu yang dihadapi di lembangan Sungai Perai dan mencadangkan penyelesaian dalam merealisasikan Laluan Berbasikal *5-Rivers Trail*. 5 Rivers Trail ini bermaksud laluan basikal ini akan merentasi lima (5) sungai iaitu Sungai Jarak, Sungai Kulim, Sungai Air Itam, Sungai Perai dan Sungai Mati. Saya amat-amat mengharapkan hasil penemuan dan cadangan bengkel ini akan menyumbang kepada pengurusan lembangan Sungai Perai yang lestari

selaras dengan visi Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi.

Penganjuran bengkel selama dua (2) hari ini adalah untuk mencungkil potensi Sungai Perai, mengenalpasti isu-isu memulihara khazanah alam semula jadi dan seterusnya, mencadangkan input Pembentukan Pelan Induk Seberang Perai.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Sungai Perai adalah sungai terpanjang di Pulau Pinang dengan jarak melebihi 20 kilometer dengan kawasan tadahan air terbesar di Pulau Pinang yang meliputi kawasan seluas 505 km². Air sungai ini mengalir ke barat iaitu ke Selat Selatan (*South Channel*) bermula dari Daerah Kulim di Kedah. Ianya menjadi sempadan daerah semulajadi, yang memisahkan Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah.

Sungai Perai dilihat sebagai sebuah lokasi yang berpotensi untuk dijadikan destinasi eko-pelancongan. Lembangan sungai ini menyimpan pelbagai khazanah kepelbagaian hidupan flora dan fauna. Terdapat 41 spesis pokok yang dikenalpasti tumbuh di kawasan Sungai Perai.

Antaranya pokok bakau minyak, selasih dendi, ketapang, paku rawan, tapak kuda, merbau, butang baju, ambong-ambong dan banyak lagi.

lanya juga menjadi habitat pelbagai jenis hidupan air dan daratan termasuk ikan, ketam, udang galah, kerang, siput, rama-rama, burung, ular, katak, biawak, buaya, memerang, tupai dan monyet. Terdapat 37 spesis burung di kawasan Sungai Perai seperti *Japanese sparrowhawk*, *collared kingfisher*, *plaintive cuckoo*, *chestnut headed bee-eater* dan banyak lagi.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Di bawah *Program Rehabilitation Study of Sungai Perai*, Perunding Pinang daripada Universiti Sains Malaysia (USM) telah menjalankan beberapa kajian di kawasan Sungai Perai. Hasil kajian menunjukkan Sungai Perai adalah salah satu *landmark* yang amat berpotensi untuk dibangunkan sebagai kawasan pelancongan dan tarikan baru di Seberang Perai.

Tarikan sedia ada di sepanjang Sungai Perai adalah aktiviti memancing ikan, Restoran Nelayan di kawasan Ujong Batu, Taman Rekreasi Ampang Jajar, taman-taman rekreasi di kawasan-kawasan perumahan di sepanjang Sungai Perai seperti di Taman Kimsar. Di

samping itu, dari segi warisan, Kilang Gula Prai yang merupakan kilang gula terbesar di Malaysia telah dibina di kawasan strategik di kawasan Kuala Sungai Perai. Kilang ini memiliki jeti tersendiri yang memudahkan pemunggahan gula kasar daripada kapal-kapal untuk disimpan bagi penapisan. Jambatan keretapi yang boleh diputar untuk memberi laluan kepada kapal yang mudik ke hulu, hanya satu-satunya jambatan seumpama ini di Malaysia. Kawasan perusahaan Mak Mandin yang merupakan kawasan perindustrian di Malaysia menjadi nadi pembangunan ekonomi Malaysia pada tahun 1980-an.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Di bawah pelaksanaan Pelan Strategik Seberang Perai 2018-2022, MPSP merancang untuk mewujudkan *Pelan Induk Sungai Perai* yang mengandungi:-

- i. Pelan Tindakan Pemuliharaan.
- ii. Pelan Tindakan *Activation* Untuk *Sport Area* dan *Connectivity* di Promenade Area seperti di Ujong Batu, Taman Kimsar, Taman Sembilang, Ampang Jajar dan Air Hitam Dalam.

iii. Pelan Tindakan Untuk Program *Education & Awareness of Sungai Perai*.

Di antara projek yang dicadangkan adalah projek pemulihan sungai yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti air Sungai Perai dari Kelas III ke sungai Kelas II yang akan membolehkan kita berenang dan minum dari Sungai Perai pada satu hari nanti.

Projek ini dijadikan untuk membuat bahagian-bahagian Sungai Perai lebih menarik dengan taman-taman sungai yang indah dan sungai yang meriah yang direka dengan reka bentuk bandar sensitif air.

Projek ini juga akan cuba menyambung tepi tebing sungai dengan laluan jogging dan jalur berbasikal untuk mempromosikan rekreasi luar dan aktiviti yang sihat bagi masyarakat.

Bengkel hari ini adalah satu usaha ke arah mencapai matlamat penduduk Seberang Perai untuk melihat *green connectivity* menjadi kenyataan di Seberang Perai. *Sungai Perai 5-River Trail* ini akan menjadi yang pertama seumpamanya di Pulau Pinang dan akan meningkatkan

connectivity di sepanjang Sungai Perai untuk penduduk setempat, komuniti berdekatan dan pengunjung dan pelancong.

Saya mengimpikan pada masa hadapan, ramai yang akan menggunakan laluan atau "*trail*" sepanjang Sungai Perai, dari Ujong Batu ke destinasi di sepanjang Sungai Perai. Sekiranya dilaksanakan dengan betul, kita juga boleh mempunyai laluan *Tour de Penang* bertaraf dunia untuk ditambah dalam kalendar pelancongan tahunan kita. Ini pasti akan meningkatkan tumpuan di peringkat dalam dan luar Negara. Dengan daya tarikan yang sedemikian, kami berharap ini dapat merangsang pembangunan ekonomi tempatan di sekitar komuniti dan kawasan sekitar.

Bengkel ini diharapkan mencetuskan idea dalam pembangunan infrastruktur yang lebih baik dan *environment-friendly* dan menggalakkan terapi berbasikal yang betul berserta kod kelakuan dalam berbasikal di sepanjang sungai dan kawasan berdekatan.

Dengan wujudnya laluan basikal ini, kami berharap agar para pengguna akan dapat terus mengekalkan dan menguruskannya dengan lebih baik untuk para penduduk dan pengunjung untuk menerokai bahagian-

bahagian menarik di sepanjang Sungai Perai dengan lebih mudah dan menikmati persekitarannya yang indah dan hijau.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Saya berharap inisiatif ini akan mewujudkan ruang awam yang lebih baik untuk aktiviti hijau dan sihat di Seberang Perai. Ia adalah inisiatif yang dekat dengan hati saya kerana ia sejajar dengan matlamat MPSP untuk mewujudkan inisiatif yang lebih hijau untuk mengurangkan jejak karbon kita.

Dengan semangat 7P, kami akan terus bekerjasama dengan pihak rakan strategik seperti Think City Sdn. Bhd., agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Pengairan Saliran, Perbadanan Bekalan Air dan sektor swasta serta masyarakat untuk mencapai hasrat Bandaraya Rendah Karbon dengan membina budaya berbasikal yang selamat dan mesra di Seberang Perai. Semua orang dialu-alukan untuk tampil ke hadapan untuk berkongsi idea dan sumber mereka dengan kami untuk pembangunan Seberang Perai yang mampan.

Terima kasih juga diucapkan kepada Think City Sdn. Bhd. dan juga MPSP atas usaha berterusan untuk meremajakan kawasan bandar, memulihara persekitaran kita dan meningkatkan kualiti kehidupan.

Saya dengan sukacitanya dan dengan lafaz BISMILLAH HIRRAHMANIR RAHIM merasmikan Penutupan Bengkel "*Sungai Perai 5-Rivers Trail*".

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih